




**PERATURAN AM
SUKAN PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
SUKANUN 2025**

ISI KANDUNGAN

PERATURAN AM	1
1.0 NAMA KEJOHANAN	3
2.0 PENGELOLAAN	3
3.0 PEMATUHAN PERATURAN	3
4.0 JENIS SUKAN	3
5.0 PENYERTAAN	4
6.0 KELAYAKAN PESERTA	5
7.0 YURAN PENYERTAAN	8
8.0 BILANGAN PEGAWAI DAN PESERTA	9
9.0 PERTANDINGAN	10
10.0 PAKAIAN PEMAIN	11
11.0 PERLAWANAN DIHENTIKAN DAN DITUNDA	11
11.1 PERLAWANAN DIHENTIKAN	11
11.2 PERLAWANAN DITUNDA	12
12.1 MENARIK DIRI	12
12.2 MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA	12
12.3 GAGAL MELAPORKAN DIRI DI PADANG/GELANGGANG	13
13.0 KEMUDAHAN	13
14.0 AKUJANJI PASUKAN DAN PESERTA	13
15.0 INSURANS	14
16.0 PELANTIKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL AKREDITASI (TAC)	14
17.0 BANTAHAN	14
18.0 RAYUAN	14
19.0 JAWATANKUASA BANTAHAN DAN TATATERTIB	15
20.0 JURI RAYUAN	15
21.0 HADIAH	15
22.0 KIRAAN MATA (KESELURUHAN)	16
23.0 KEADAAN LUAR JANGKA	17

**PERATURAN AM
SUKAN PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(SUKANUN)**

1.0 NAMA KEJOHANAN

Kejohanan ini dinamakan “**SUKAN PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA**” atau **SUKANUN**.

2.0 PENGELOLAAN

SUKANUN ini dikelolakan oleh **Jawatankuasa Sukan dan Rekreasi atau JSR** dengan kerjasama dari semua Ahli Persatuan.

Bagi maksud pengelolaan, Jawatankuasa Sukan, Kebudayaan & Kesenian bertanggungjawab dengan perkara-perkara dasar dan boleh menyerahkan kuasa pengelolaan serta aktiviti sukan kepada mana-mana ahli persatuan atau satu jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh JSR.

Adalah menjadi tanggungjawab jawatankuasa pengelola menerangkan secara lengkap dan jelas peraturan pertandingan **SUKANUN** yang telah diluluskan oleh JSR kepada ahli persatuan yang terlibat dalam pengelolaan **SUKANUN**.

3.0 PEMATUHAN PERATURAN

Kejujuran dan keikhlasan mematuhi undang-undang dan peraturan **SUKANUN** adalah menjadi tanggungjawab dan bertanggungjawab kepada pasukan, pegawai, dan pemain.

4.0 JENIS SUKAN

Acara sukan yang dipertandingkan adalah terbahagi kepada dua kategori :

4.1 Acara Sukan Wajib

4.2 Acara Sukan Pilihan

BIL	ACARA SUKAN	WAJIB	PILIHAN
1.	Bola Sepak	√	
2.	Bola Jaring	√	
3.	Badminton Berpasukan	√	
4.	Tenis Berpasukan	√	
5.	Catur Berpasukan	√	
6.	Bola Tampar (L)	√	
7.	Bola Tampar (W)	√	
8.	Tenpin Boling Berpasukan (L)	√	
9.	Tenpin Boling Berpasukan(W)	√	
10.	Futsal (L)	√	
11.	Futsal (W)	√	
12.	Boling Padang (L)	√	
13.	Boling Padang (W)	√	
14.	Dart Berpasukan	√	
15.	Ping-Pong Berpasukan	√	
16.	Karom Berpasukan	√	
17.	Sepak Takraw Antara Regu	√	
18.	Petanque (L)		√
19.	Petanque (W)		√
20.	Tarik Tali		√
21.	Basikal Criterium		√
22.	Ragbi 7s		√
23.	Golf		√

5.0 PENYERTAAN

- 5.1 Mana-mana organisasi yang bergabung dengan Persatuan Badan Berkanun Malaysia adalah layak untuk menyertai SUKANUN.
- 5.2 Setiap acara sukan akan hanya dipertandingkan sekiranya disertai oleh sekurang - kurangnya lapan (8) pasukan.
- 5.3 Setiap penyertaan dikehendaki mengemukakan borang penyertaan yang disediakan mengikut jenis sukan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan tidak lewat daripada tarikh yang telah ditetapkan.
- 5.4 Borang penyertaan hendaklah disertakan dengan wang penyertaan bagi setiap jenis sukan yang disertai. Tindakan ini diambil bagi mengelakkan kontinjen yang telah mengesahkan penyertaan di dalam sukan yang disertai daripada menarik diri pada saat akhir.
- 5.5 Penyertaan yang tidak disertai dengan bayaran penyertaan adalah tidak sah dan tidak akan didaftarkan. Penarikan diri setelah borang penyertaan dikemukakan akan mengakibatkan bayaran penyertaan tidak dikembalikan.

6.0 KELAYAKAN PESERTA

6.1 Warganegara

Hanya terbuka kepada warganegara Malaysia sahaja.

6.2 Taraf Jawatan

6.2.1 Pegawai dan kakitangan ini mestilah terdiri dari warganegara Malaysia yang berjawatan tetap, sementara, pinjaman, My-steps, contract of service atau contract for service dan tidak boleh mendaftar dengan 2 majikan;

6.2.2 Walau bagaimanapun, mereka yang taraf jawatannya dalam kategori tetap, sementara, pinjaman, My-steps, contract of service atau contract for service mestilah telah dilantik ke jawatan yang disandang tidak kurang dari satu (1) tahun sebelum tarikh kejohanan dan tempoh surat lantikan mestilah minima melebihi satu (1) tahun. Sekiranya tarikh lantikan tidak mencukupi 1 tahun sebelum tarikh Kejohanan pegawai mestilah mengemukakan surat lantikan terdahulu (tahun sebelum).

6.2.3 Pegawai yang dilantik secara pekerja sambilan harian (PSH) tidak dibenarkan menyertai Kejohanan SUKANUN.

6.3 Pembuktian Dokumen Sokongan

Bagi pemain-pemain yang bertaraf sementara, pinjaman atau contract of service yang dilantik dalam tempoh yang disyaratkan seperti klausa di atas, adalah menjadi tanggungjawab Agensi untuk membawa bersama dokumen-dokumen seperti berikut :

6.3.1 Salinan sah surat pelantikan pemain tersebut.

6.3.2 Salinan kad pengenalan

6.3.3 Salinan penyata gaji

6.3.4 Penyata Caruman KWSP (yang terkini – sebelum tarikh kejohanan) hendaklah dikemukakan untuk pengesahan penganjur).

6.3.5 Salinan surat lantikan terkini (hanya untuk contract of servis)

6.4 Tukar Sementara

6.4.1 Pegawai, kakitangan Kerajaan yang bertukar sementara (pinjaman) ke sesuatu Jabatan/Badan berkanun selain Jabatan ia bertugas, boleh mewakili Jabatan asalnya, jika pertukaran itu tidak lebih dari enam (6) bulan sebelum tarikh kejohanan

diadakan. (Salinan surat pertukaran sementara (pinjaman) perlu dikemukakan).

6.4.2 Pegawai/kakitangan Kerajaan dalam perkhidmatan tetap yang ditukar sementara untuk bertugas di dalam Syarikat/Syarikat Berkaitan Kerajaan walaupun menerima gaji Syarikat itu, layak mewakili Syarikat/ Syarikat Berkaitan Kerajaan tersebut. (Salinan surat pertukaran sementara (pinjaman) perlu dikemukakan).

6.5 Kursus Dengan Cuti Tanpa Gaji

Pegawai/kakitangan yang sedang mengikuti kursus/pengajian dengan Cuti Tanpa Gaji adalah layak mewakili Syarikat/Syarikat Berkaitan Kerajaan di mana tempat beliau menghadiri kursus/pengajian.

6.6 Kursus Dengan Cuti Separuh Gaji/Bergaji Penuh

Pegawai/kakitangan Kerajaan yang berkursus bercuti Separuh Gaji/Bergaji Penuh kerana melanjutkan pelajaran di Pusat-pusat Pengajian Tempatan layak mewakili Syarikat/Syarikat Berkaitan Kerajaan di mana Pusat Pengajian/tempat berkursusnya ditempatkan dengan syarat mendapat kelulusan terlebih dahulu dari Ketua Jabatan di Jabatan asalnya. (Surat kelulusan perlu dikemukakan bagi pengesahan penganjur sebelum tarikh kejohanan diadakan.)

6.7 Pelatih – pelatih

Pelatih – pelatih yang sedang mengikuti latihan asas dengan tawaran lantikan tetap layak mengambil bahagian.

6.8 Anggota Pasukan Sukarelawan

Seorang pegawai/kakitangan kerajaan yang menganggotai pasukan sukarelawan/Askar Simpanan, Wataniah, Rela, Sukarelawan Polis, Pasukan Sukarelawan Bomba hanya dibenarkan mewakili tempat hakiki mereka bertugas.

6.9 Penggantungan

Seseorang yang digantung atas sebab tatatertib oleh sesuatu Persatuan Permainan di peringkat Kebangsaan /Negeri /Daerah/

Jabatan Kerajaan/Badan-badan Gabungan maka keputusan itu hendaklah dipatuhi oleh Majlis ini dan peserta itu adalah tidak layak mengambil bahagian. Sesiapa yang ingin membantah hendaklah menunjukkan bukti yang lengkap bagi memastikan bahawa pemain itu telah digantung dan tidak layak menyertai pertandingan berkenaan.

6.10 Tanggungjawab Pengurus Pasukan

Pengurus Pasukan adalah bertanggungjawab untuk menyemak dan memastikan peraturan di atas dipatuhi sepenuhnya. PBBM akan mengambil tindakan yang tegas atas pelanggaran mana-mana dari syarikat yang dinyatakan di atas.

6.11 Setiap penyertaan dikenakan bayaran yang telah ditetapkan untuk setiap jenis sukan. Yuran penyertaan mestilah dijelaskan seperti yang diarahkan oleh pihak Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

6.11.1 Setiap penyertaan dikehendaki mengemukakan borang penyertaan atau mendaftar melalui borang yang disediakan mengikut jenis sukan kepada Jawatankuasa Teknikal pada borang yang ditetapkan. Borang penyertaan (manual atau borang) hendaklah disertakan dengan wang penyertaan bagi setiap jenis sukan yang disertai. Tindakan ini diambil bagi mengelakkan kontinjen mengesahkan penyertaan di dalam sukan yang disertai tetapi menarik diri dari menyertai acara tersebut. Keadaan ini akan menimbulkan permasalahan dan terpaksa mengadakan semula undian di dalam usaha melancarkan urusan pertandingan. Keadaan ini juga boleh menimbulkan ketidakpuasan hati lain-lain kontinjen.

6.11.2 Penyertaan yang tidak disertai dengan bayaran penyertaan adalah tidak sah dan tidak akan didaftarkan. Penarikan diri setelah borang penyertaan dikemukakan akan mengakibatkan bayaran penyertaan tidak dikembalikan.

6.11.3 Pertukaran peserta boleh dibuat dengan hanya surat doktor. Sebarang permohonan untuk pindaan/pertukaran nama pemain akan dicaj RM50 dengan pemain yang telah didaftarkan.

6.11.4 Mana-mana organisasi yang mendaftarkan peserta yang bukan daripada organisasi tersebut akan dibatalkan penyertaan peserta tersebut oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan. Perkara ini juga akan dilaporkan kepada Ketua Organisasi yang terlibat.

6.12 Umur kelayakan bagi peserta veteran ialah:

6.12.1 Lelaki – berumur 40 tahun dan ke atas pada tahun kejohanan.

6.12.2 Wanita – berumur 35 tahun dan ke atas pada tahun kejohanan.

7.0 YURAN PENYERTAAN

Dua jenis yuran yang dikenakan untuk SUKANUN:-

7.1 Yuran Penyertaan

7.1.1 Yuran RM2,000.00 bagi penyertaan sekurang-kurangnya 11 acara atau lebih.

7.1.2 Yuran RM1,000.00 bagi penyertaan kurang dari 11 acara.

7.2 Yuran Sukan adalah seperti berikut:

BIL	ACARA SUKAN	YURAN PENYERTAAN (RM)
1	Bola Sepak	800.00
2	Bola Jaring	800.00
3	Badminton Berpasukan	800.00
4	Tenis Berpasukan	800.00
5	Catur Berpasukan	800.00
6	Bola Tampar (L)	800.00
7	Bola Tampar (W)	800.00
8	Tenpin Boling Berpasukan (L)	1,000.00
9	Tenpin Boling Berpasukan(W)	1,000.00
10	Futsal (L)	800.00
11	Futsal (W)	800.00
12	Boling Padang (L)	800.00
13	Boling Padang (W)	800.00
14	Dart Berpasukan	800.00
15	Ping-Pong Berpasukan	800.00
16	Karom Berpasukan	800.00
17	Sepak Takraw Antara Regu	800.00 (2 Regu)
18	Petanque (L)	800.00
19	Petanque (W)	800.00
20	Tarik Tali	800.00
21	Basikal Criterium	800.00
22	Ragbi 7s	800.00
23	Golf Gross	2,500.00
24	Golf NETT	2,500.00
25	Golf VIP	1,000.00

8.0 BILANGAN PEGAWAI DAN PESERTA

Bilangan pegawai dan peserta mengikut jenis-jenis sukan adalah seperti berikut:

BIL	ACARA SUKAN	BILANGAN ATLET			JUMLAH
		L	W	P	
1	Bola Sepak	18	-	3	21
2	Bola Jaring	-	12	2	14
3	Badminton Berpasukan	8	4	2	14
4	Tenis Berpasukan	8	4	2	14
5	Catur Berpasukan	4	3	1	8
6	Bola Tampar (L)	12	-	2	14
7	Bola Tampar (W)	-	12	2	14
8	Tenpin Boling Berpasukan (L)	5	-	2	7
9	Tenpin Boling Berpasukan(W)	-	5	2	7
10	Futsal (L)	14	-	2	16
11	Futsal (W)	-	14	2	16
12	Boling Padang (L)	9	-	2	11
13	Boling Padang (W)	-	9	2	11
14	Dart Berpasukan	6	4	2	12
15	Ping-Pong Berpasukan	8	4	2	14
16	Karom Berpasukan	8	4	2	14
17	Sepak Takraw Antara Regu	10	-	2	12
18	Petanque (L)	8		2	10
19	Petanque (W)	-	8	2	10
20	Tarik Tali	10		2	12
21	Basikal Criterium (L)	6	-	2	8
22	Ragbi 7s	14	-	2	16
23	Golf Gross	4	-	1	9
24	Golf NETT	4	-		
25	Golf VIP	1	-		
	JUMLAH	157	83	45	242
L-Lelaki		W-Wanita		P-Pegawai	

9.0 PERTANDINGAN

9.1 Format pertandingan

9.1.1 Pertandingan pusingan pertama akan dijalankan secara Liga beberapa kumpulan manakala pusingan kedua dan seterusnya akan dijalankan secara kalah mati satu pusingan.

9.2 Format Penentuan Kumpulan

Format bagi sistem liga adalah seperti berikut:

BIL	JUMLAH PASUKAN	JUMLAH PASUKAN DALAM KUMPULAN	
		KUMPULAN	FORMAT
1	8	2	4,4
2	9	3	3,3,3
3	10	3	3,3,4
4	11	3	3,4,4
5	12	4	3,3,3,3
6	13	4	3,3,3,4
7	14	4	3,3,4,4
8	15	5	3,3,3,3,3
9	16	5	3,3,3,3,4
10	17	5	3,3,3,4,4
11	18	6	3,3,3,3,3,3
12	19	6	3,3,3,3,3,4
13	20	6	3,3,3,3,4,4
14	21	7	3,3,3,3,3,3,3
15	22	7	3,3,3,3,3,3,4
16	23	7	3,3,3,3,3,4,4
17	24 DAN SETERUSNYA	8 DAN SETERUSNYA	3,3,3,3,3,3,3,3

9.3 Pasukan johan dan naib johan setiap kumpulan akan layak ke pusingan seterusnya.

9.4 Undian pusingan kedua akan dijalankan mengikut format yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKANUN dengan mengambil kira johan dan naib johan kumpulan dipisahkan dibahagian atas dan bawah carta kalah mati.

9.4.1 Johan Kumpulan A dan B akan diundi di bahagian atas dan bawah carta kalah mati.

9.4.2 Johan Kumpulan C dan D akan diundi di bahagian atas dan bawah di dalam carta kalah mati.

9.4.3 Pasukan yang mendapat Johan selain kumpulan A, B, C, D akan diundi secara rawak atas dan bawah carta kalah mati.

9.5 Jadual Pertandingan

9.5.1 Susunan jadual pertandingan akan dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKANUN mengikut format yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Sukan dan Rekreasi Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

10.0 PAKAIAN PEMAIN

10.1 Tiap-tiap pasukan hendaklah memakai pakaian seragam yang mematuhi Peraturan Pakaian mengikut garis panduan jawatankuasa teknikal jenis permainan berkenaan.

10.2 Nombor-nombor pada jersi hendaklah sama dengan nombor-nombor yang didaftarkan di dalam borang pendaftaran serta mematuhi spesifikasi-spesifikasi dalam Peraturan Pakaian jenis permainan berkenaan.

10.3 Jika kedua-dua pasukan memakai jersi yang sama warnanya, pasukan yang namanya mula-mula tercatat di dalam jadual pertandingan hendaklah menukar jersi kepada yang lain warnanya.

11.0 PERLAWANAN DIHENTIKAN DAN DITUNDA

11.1 PERLAWANAN DIHENTIKAN

11.1.1 Jika pengadil menghentikan sesuatu permainan atas sebab-sebab luar jangka atau teknikal atau sebab-sebab yang boleh diterima oleh JSR maka:

- a. Perlawanan tersebut boleh dihentikan selama 30 minit dan jika permainan boleh dimainkan semula dalam masa 30 minit ianya akan disambung mengikut baki jumlah masa permainan.
- b. Jika perlawanan masih tidak dapat dijalankan selepas 30 minit maka pengerusi jawatankuasa teknikal acara sukan berkenaan akan membuat keputusan termasuklah meminda jadual pertandingan jika tidak mencatatkan pertandingan tersebut.

- 11.1.2 Jika perlawanan dihentikan oleh pengadil berpunca kerana kelakuan pegawai atau pemain sesuatu pasukan yang tidak memuaskan atau melanggar mana-mana peraturan dan pengadil tidak memainkan semula perlawanan tersebut maka pasukan yang menyebabkan permainan tersebut dihentikan akan dikira kalah dan terkeluar daripada pertandingan serta dihadapkan ke jawatankuasa tatatertib.

11.2 PERLAWANAN DITUNDA

- 11.2.1 Jika sesuatu perlawanan masih belum dimainkan atau semasa permainan dihentikan oleh pengadil dan disambung semula permainan tersebut maka ia hendaklah mengikut keputusan pengerusi jawatankuasa teknikal acara sukan tersebut.
- 11.2.2 Dalam apa jua keadaan sekalipun hanya pengadil mempunyai kuasa mutlak untuk menghentikan atau menunda sesuatu perlawanan.
- 11.2.3 Masa permainan seperti yang diletakkan dalam jadual tidak boleh dipinda atau ditunda oleh mana-mana pihak kecuali diputuskan berlainan oleh pengerusi JSR.

12.0 MENARIK DIRI, MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA DAN GAGAL HADIR

12.1 MENARIK DIRI

- 12.1.1 Menarik diri selepas undian dibuat akan didenda RM 500.00.
- 12.1.2 Menarik diri selepas mesyuarat pengurus pasukan akan didenda RM 1000.00.
- 12.1.3 Menarik diri selepas perlawanan pertama akan di denda RM 1500.00 dan akan digantung pada sukanun berikutnya.

12.2 MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

- 12.2.1 Mana-mana pasukan yang enggan bermain setelah berada di padang/gelanggang permainan adalah dikira memberi kemenangan percuma dan pasukan tersebut akan dikenakan tindakan :
- Pasukan yang enggan bermain akan dikira kalah dan tiada mata dan didenda RM500.00 dan hendaklah dijelaskan sebelum perlawanan berikutnya.
 - Apa-apa tindakan tatatertib yang melibatkan perlawanan tersebut akan ditentukan oleh undang-undang dan peraturan sukan tersebut.

- 12.2.2 Mana- mana pasukan yang gagal meneruskan permainan dengan apa jua sebab sekalipun adalah dikira memberi kemenangan percuma dan pasukan tersebut akan dikenakan tindakan :
- Pasukan yang gagal meneruskan permainan akan dikira kalah dan tiada mata dan didenda RM1000.00 dan terkeluar dari pertandingan.
 - Mata dan jaringan yang melibatkan pasukan tersebut tidak dikira.
- 12.2.3 Jika kedua-dua pasukan enggan meneruskan permainan dalam apa jua sebab sekalipun maka kedua-dua pasukan akan dikenakan tindakan :
- Kedua-dua pasukan yang gagal meneruskan perlawanan akan dikira kalah dan tiada mata dan didenda RM3000.00 dan terkeluar dari pertandingan.
 - Mata dan jaringan yang melibatkan pasukan tersebut tidak dikira.
 - Kedua-dua pasukan akan digantung dari menyertai SUKANUN berikutnya.

12.3 **GAGAL MELAPORKAN DIRI DI PADANG/GELANGGANG**

- 12.3.1 Mana-mana pasukan yang gagal melaporkan diri kepada pegawai pertandingan pada tarikh dan masa yang ditetapkan di dalam jadual pertandingan akan dikira kalah, tiada mata dan didenda RM1000.00. Pasukan yang satu lagi akan dikira menang.
- 12.3.2 Jika kedua-dua pasukan gagal melaporkan diri kepada pegawai pertandingan pada tarikh dan masa yang ditetapkan di dalam jadual pertandingan akan terkeluar daripada pertandingan dan didenda RM1000.00 serta digantung daripada menyertai SUKANUN berikutnya.

13.0 **KEMUDAHAN**

- 13.1 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan bertanggungjawab untuk menentukan tempat, tarikh dan menyediakan venue dan peralatan sukan yang berkaitan.

14.0 **AKUJANJI PASUKAN DAN PESERTA**

- 14.1 Pegawai dan peserta SUKANUN memberi akujanji tidak akan menuntut sebarang kerugian, kecelakaan, kehilangan harta benda dan nyawa sebelum, semasa dan selepas SUKANUN kepada Jawatankuasa Pengelola,

Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan, Pegawai-Pegawai yang dilantik dan sesiapa yang diberi kuasa oleh Jawatankuasa Pengelola dan Penaja kecuali seperti yang dilindungi oleh insurans pasukan dan peserta.

15.0 INSURANS

- 15.1 Semua kontinjen adalah dinasihatkan untuk mengambil insuran bagi semua ahli kontinjen yang menyertai sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia ini.

16.0 PELANTIKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL AKREDITASI (TAC)

- 16.1 **Jawatankuasa Teknikal Akreditasi (TAC)** hendaklah dilantik dengan jumlah keahlian yang difikirkan sesuai dan segala tanggungjawab (TAC) akan ditentukan oleh JSR.

17.0 BANTAHAN

- 17.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan kecuali keputusan pengadil di padang/gelanggang.
- 17.2 Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dalam Bahasa Melayu dengan mengemukakan bukti-bukti beserta dengan yuran bantahan secara tunai sebanyak RM 500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja).
- 17.3 Sekiranya bantahan diterima oleh Jawatankuasa Bantahan maka wang cagaran sebanyak RM300.00 sahaja akan dikembalikan manakala RM200.00 yuran proses tidak akan dikembalikan.
- 17.4 Sekiranya bantahan ditolak yuran bantahan tidak akan dikembalikan sama sekali kepada pihak yang membuat bantahan.
- 17.5 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengerusi Teknikal acara sukan berkenaan atau wakilnya dalam masa satu (1) jam selepas perlawanan tamat.
- 17.6 Beban bukti adalah menjadi tanggungjawab kepada pihak yang membuat bantahan.

18.0 RAYUAN

- 18.1 Sebarang rayuan mengenai keputusan bantahan atau Jawatankuasa Tatatertib boleh dibawa ke Jawatankuasa Rayuan.
- 18.2 Rayuan hendaklah dikemukakan oleh Ketua Kontinjen secara bertulis dalam masa dua jam selepas keputusan bantahan atau tatatertib dimaklumkan kepada pasukan dengan disertakan yuran bantahan RM1000.00
- 18.3 Yuran bantahan tidak akan dikembalikan.
- 18.4 Keputusan Juri Rayuan adalah muktamad dan mengikat semua pihak.

19.0 JAWATANKUASA BANTAHAN DAN TATATERTIB

- 19.1 Jawatankuasa Bantahan dan Tatatertib mempunyai keahlian seperti berikut:-
- a. Pengerusi : Pengerusi acara sukan berkenaan.
 - b. Ahli :
 - i- Pengerusi pengadil acara sukan berkenaan atau wakil
 - ii- Tiga orang pengurus pasukan berkecuali acara sukan berkenaan.
- 19.2 Jawatankuasa Bantahan dan Tatatertib boleh membuat keputusan dengan kehadiran sekurang-kurangnya tiga orang ahli yang mana keputusan dibuat adalah muktamad.

20.0 JURI RAYUAN

- 20.1 Jawatankuasa Pengelola hendaklah menubuhkan Juri Rayuan yang terdiri:
- a. Pengerusi : Pengerusi JSR/wakil
 - b. Ahli :
 - i. Pengerusi jawatankuasa pengelola/wakil.
 - ii. Pengerusi jawatankuasa teknikal acara sukan berkenaan.
 - iii. Empat orang ketua kontinjen yang berkecuali.
- 20.2 Juri Rayuan boleh membuat keputusan dengan kehadiran sekurang-kurangnya tiga orang ahli yang mana keputusan dibuat adalah muktamad dan mengikat semua pihak.

21.0 HADIAH

- 21.1 Hadiah untuk Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia yang akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola adalah seperti berikut :

21.1.1 Acara Berpasukan dan Individu

- Johan
- Naib Johan
- Ketiga Bersama

(Pasukan yang kalah di peringkat separuh akhir)

21.1.2 Keseluruhan

- Johan
- Naib Johan Keseluruhan

- Ketiga Keseluruhan

21.1.3 Pertandingan Perbarisan Lintas Hormat (Tidak dikira sebagai pungutan pingat)

- Johan
- Naib Johan
- Ketiga

22.0 KIRAAN MATA (KESELURUHAN)

22.1 Johan Keseluruhan Kejohanan (Overall Champion) akan ditentukan dengan jumlah pungutan mata yang paling banyak. Mata akan diberikan bagi tiap-tiap permainan berpasukan adalah seperti berikut ;

KEDUDUKAN	MATA
JOHAN	12
NAIB JOHAN	9
KALAH SEPARUH AKHIR	7
KALAH SUKU AKHIR	3
PENYERTAAN	1

22.2 Bagi acara yang tidak melibatkan pusingan kedua dan seterusnya, Mata bagi permainan adalah seperti berikut:

KEDUDUKAN	MATA
JOHAN	12
NAIB JOHAN	9
KETIGA	7
KEEMPAT	5
5 HINGGA 8	4
9 HINGGA 12	3
13 HINGGA 20	2
21 KE ATAS	1

22.3 Pasukan yang mendapat jumlah mata yang terbanyak akan diisytiharkan sebagai Johan Keseluruhan. Jika didapati 2 atau lebih pasukan mempunyai mata yang sama, Johan Keseluruhan akan ditentukan dengan cara ;

- 22.3.1 Pasukan yang mendapat jumlah johan (pingat emas) acara sukan yang terbanyak, jika seri ;
- 22.3.2 Pasukan yang mendapat jumlah Naib Johan (pingat perak) acara sukan yang terbanyak, jika seri ;
- 22.3.3 Pasukan yang mendapat jumlah tempat ketiga (pingat gangsa) acara sukan yang terbanyak, jika seri ;
- 22.3.4 Diisytiharkan sebagai Johan bersama.

23.0 KEADAAN LUAR JANGKA

- 23.1 Sebarang kaedah luar jangka termasuklah peraturan-peraturan atau perkara yang tidak diliputi oleh peraturan ini, mengenai tafsiran peraturan ini dan sebarang pengecualian peraturan ini adalah terletak hak kepada **JSR** yang mana keputusan adalah **MUKTAMAD**.